

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**
KAWASAN : **PARIT**
TARIKH : **25.5.2016 (RABU)**
NO. SOALAN : **61**

YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan kewangan Syarikat Perusahaan Automobil Nasional Berhad (PROTON) semenjak 10 tahun yang lepas dan apakah cabaran yang dihadapi oleh PROTON bagi membolehkannya kekal relevan bersaing dalam industri automotif di peringkat global.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Pertanyaan mengenai kedudukan kewangan syarikat swasta seperti PROTON hendaklah dirujuk terus kepada syarikat berkenaan termasuk laporan tahunannya.

Sekiranya diambil kira usia PROTON, syarikat tersebut sepatutnya telah berkembang menjadi sebuah syarikat global yang mengeksport lebih daripada 60 peratus kenderaan keluarannya. PROTON seharusnya tidak terlalu bergantung kepada pasaran tempatan semata-mata. Sebaliknya, cabaran yang dihadapi oleh PROTON untuk kekal relevan bersaing dalam industri automotif di peringkat global boleh dilihat dari tiga perspektif iaitu model perniagaan, model kenderaan dan teknologi yang diguna pakai.

Dalam mengharungi cabaran-cabaran berkenaan, PROTON perlu menggunakan model perniagaan yang kukuh dengan jangkaan pasaran yang ingin dicapai, seterusnya merangka strategi yang sesuai untuk kekal berdaya saing.

Dari segi model kenderaan pula, PROTON perlu mengambil pendekatan untuk memenuhi kehendak pengguna berdasarkan citarasa dan keperluan berbanding kaedah lama mengeluarkan model mengikut segmen pasaran yang dilihat strategik.

PROTON juga berdepan dengan masalah sumber termasuk kewangan yang terhad. Justeru itu, ia perlu mengorak langkah yang lebih pragmatik supaya sentiasa mendapat akses kepada teknologi baharu dan canggih dengan kadar masa yang segera dan kos yang munasabah.